

24 MAR 2001

Mahathir-Bumiputera (Bergambar)

IDENTIFIKASI KAUM MENERUSI FUNGSI EKONOMI AKAN DIHAPUSKAN, KATA DR MAHATHIR

KOTA KINABALU, 24 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan berusaha sehingga terhapusnya identifikasi kaum melalui fungsi ekonomi mereka.

Untuk itu, kata Perdana Menteri, kerajaan akan membantu Bumiputera menerusi latihan perniagaan dan perusahaan agar taraf ekonomi mereka setaraf dengan kaum-kaum lain.

Bagaimanapun, usaha kerajaan untuk membantu golongan Bumiputera di bidang ekonomi tidak akan membawa kejayaan selagi gmereka tidak mengubah sikap dan berusaha dengan lebih gigih, kata Dr Mahathir ketika merasmikan Kongres Ekonomi Bumiputera Sabah 2001 di sini.

"Tidak akan ada peningkatan bahagian Bumiputera jika setiap kali saham diagihkan kepada Bumiputera, mereka terus menjualnya kepada bukan Bumiputera untuk mendapat keuntungan cepat," katanya.

Sebaliknya, mereka patut mencontohi amalan perniagaan sesetengah golongan usahawan bukan Bumiputera yang cermat dalam mengurus perniagaan dan kewangan mereka, kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata pencapaian Bumiputera dalam sektor ekonomi masih rendah pada sekitar 19 peratus walaupun kerajaan telah melaksanakan pelbagai dasar, usaha dan keutamaan untuk mereka.

"Kerajaan sanggup dikecam, dituduh mengamalkan kronisme, dituduh tidak adil dan bermacam fitnah dan tohmahan kerana ingin menolong Bumiputera memperolehi bahagian mereka dalam ekonomi negara," katanya.

Bagaimanapun, tidak ada gunanya kerajaan menerima kecaman sekiranya matlamat untuk mengimbangkan kedudukan ekonomi golongan itu dengan bukan Bumiputera tidak tercapai, kata Dr Mahathir.

"Dan ianya tidak tercapai dan tidak akan tercapai kerana kita tidak ubati penyakit yang sebenar iaitu kelemahan yang ada pada Bumiputera sendiri," katanya.

Beliau juga mengingatkan golongan usahawan Bumiputera agar tidak gopoh dalam menjalankan perniagaan.

Perdana Menteri berkata kerajaan pusat tidak akan mengabaikan tanggungjawabnya terhadap golongan Bumiputera termasuk Bumiputera di Sabah.

Antara langkah-langkah yang akan dijalankan untuk membantu golongan usahawan Bumiputera ialah :-

- + keutamaan akan terus diberi kepada usahawan-usahawan Bumiputera Sabah daripada segi pemberian kontrak-kontrak kerajaan dengan syarat ia tidak dialibabakan;

- + kerajaan akan membantu membangun dan mempertingkatkan lagi program Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera di Sabah termasuk program keusahawanan khusus untuk kaum wanita;

- + Kementerian Pendidikan akan bekerjasama rapat dengan Kementerian Pembangunan Usahawan untuk menambah bilangan institusi melatih usahawan muda di Sabah;

- + Institusi pengajian tinggi di Sabah seperti Universiti Malaysia Sabah dan Universiti Teknologi Mara akan mengadakan program latihan jangka pendek dan jangka panjang keusahawanan, khusus untuk pegawai kerajaan dan swasta yang akan bersara bagi melatih dan membimbing mereka ke arah menjadi usahawan industri kecil dan sederhana.

Kementerian Pembangunan Usahawan pula akan membuat kajian di bandar-bandar utama di Sabah untuk menambah bilangan Bumiputera di bidang peruncitan.

Kerajaan juga akan memperluaskan konsep mentor/mentee, vendor/vendee, franchisor/franchisee di negeri itu bagi memperkembangkan lagi perniagaan Bumiputera dalam sektor pembuatan, pengeluaran peralatan elektrik, elektronik, plastik dan perabot serta dalam sektor petroleum, tenaga dan telekomunikasi.

Kementerian Pembangunan Perindustrian Sabah serta Kementerian Luar dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri akan memainkan peranan secara agresif bagi mempercepatkan pembangunan Kawasan Pertumbuhan Asean Timur Brunei-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA) untuk membuka pasaran baru untuk usahawan Bumiputera tempatan, katanya.

Kongres dua hari yang dianjurkan oleh Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah itu dihadiri lebih 800 orang peserta.

-- BERNAMA

HAK MAI